



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 11 pagi, 9 November 2024

Untuk Terbitan Media

9 November 2024

SIARAN MEDIA

137,373 KEKOSONGAN JAWATAN DITAWARKAN DI KELANTAN SEJAK 2021

ALERT: KARNIVAL KERJAYA MYFUTUREJOBS PERKESO OGHE KELATE 2024 TAWAR 2,000 PELUANG PEKERJAAN

GUA MUSANG – Sejumlah 137,373 peluang pekerjaan di Kelantan ditawarkan menerusi portal MYFutureJobs sejak 2021 hingga Oktober 2024 yang diselia Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad, berkata daripada jumlah itu, seramai 30,434 individu dari 'Negeri Tanjung Pura' ini berjaya mendapat lamaran kerja melalui inisiatif bahagian perkhidmatan pekerjaan PERKESO.

"Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi PERKESO komited melaksanakan pelbagai inisiatif bagi merancakkan pasaran buruh di Kelantan, termasuk penganjuran Karnival Kerjaya MYFutureJobs Oghe Kelate 2024 yang menawarkan lebih 2,000 peluang pekerjaan daripada 20 majikan terkemuka dengan tawaran gaji mencecah RM8,000.

"Penganjuran karnival ini menjadi wadah dalam menangani polemik pengangguran dan kehilangan pekerjaan, khususnya di kawasan luar bandar," katanya ketika menyampaikan ucap-tama perasmian program berkenaan, di Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), di sini, hari ini.

Turut hadir Ir. Hj Mohd Hatta bin Zakaria, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) mewakili Ketua Setiausaha KESUMA, Dato' Azman Mohd Yusof; Ahli Dewan Undangan Negeri Galas, Mohd Syahbuddin Hashim; Ahli Dewan Undangan Negeri Nenggiri, Mohd Asmawi Fikri Abdul Ghani; Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Lama, Dr. Hafidzah Mustakim dan Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, Azirruan Arifin.

Pada majlis yang sama, seramai 300 individu menerima perlindungan keselamatan sosial percuma dengan nilai kumulatif RM52,920 melalui tajaan Dr. Hafidzah, melibatkan 150 suri rumah di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dan 150 individu bekerja sendiri di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Rahman turut memperkenalkan Program Keusahawanan MYFutureJobs PERKESO melalui kerjasama *Youth Trust Foundation* (myHarapan) yang menawarkan laluan kerjaya alternatif dan peluang pekerjaan, khususnya kepada kumpulan pencari kerja serta individu bekerja di sektor tidak formal seperti usahawan dan pekerja gig.

"Sehingga kini, jumlah penyertaan mencecah 2,678 peserta dari seluruh Malaysia termasuk 155 peserta dari Kelantan dengan pelbagai kursus asas keusahawanan merangkumi aspek pengenalan pekerjaan, penyediaan proposal perniagaan serta pemasaran dan banyak lagi," katanya.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

9 November 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ikhlil Fatimah Kamal Redzuan (+6019-7107479) / fatimah.redzuan@perkeso.gov.my